

## 1. Tujuan :

Garis panduan pembukaan Tadika dan TASKA ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada :-

- i. Pihak pemaju merancang & membina Tadika & TASKA : dan
- ii. Pengusaha untuk perubahan & permohonan Lesen Berniaga untuk Tadika & TASKA.

## 2. Definisi & Jenis Tadika & TASKA.

### 2.1 Tadika

Dibawah peruntukkan Akta Pendidikan 1996 ( Akta 550 ), Tadika didefinisikan sebagai mana-mana tempat di mana pendidikan prasekolah ( 4 hingga 6 tahun ) disediakan untuk 10 orang murid atau lebih.

Tadika boleh beroperasi di premis seperti berikut :

- i. Bangunan sesebuah dikhaskan untuk Tadika ( free standing ),
- ii. Bangunan bertingkat dikhaskan untuk Tadika,
- iii. Kompleks/ bangunan pejabat dan perniagaan,
- iv. Rumah kedai,
- v. Rumah berkembar; dan
- vi. Lot tepi kediaman teres (tidak termasuk “Intermediate Corner”) dan Tingkat bawah Rumah Pangsa ( sekiranya perlu ).

### 2.2 TASKA

Menurut peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 ( Akta 308 ), TASKA bermaksud mana-mana premis yang menerima masuk 4 atau lebih kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dari lebih daripada satu isi rumah ( 2 atau lebih keluarga ) untuk dijaga dengan upah.

Taska terbahagi kepada 4 jenis iaitu :-

#### **i. Taska di rumah**

- Terbahagi kepada 2 jenis iaitu :

- i. Menerima kurang daripada 4 orang kanak-kanak
- ii. Menerima masuk 4 hingga 9 orang kanak-kanak dalam rumah orang yang didaftarkan.

#### **ii. TASKA di Institusi**

Taman Asuhan Kanak-kanak yang menerima masuk 10 orang kanak-kanak atau lebih

iii. **TASKA di tempat kerja**

Taman Asuhan Kanak-kanak yang disediakan dimana-mana tempat kerja.

iv. **TASKA Komuniti**

Menerima masuk 10 orang kanak-kanak atau lebih di kawasan keluarga berpendapatan rendah ( pendapatan isi rumah RM 2,000 dikawasan Bandar & kurang RN 1,200 di Luar Bandar ) dan menerima Bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri

### 3. Perancangan Penubuhan Tadika & TASKA

#### **3.1 Perancang Tapak**

3.1.1 Pemantauan Pelan Daerah/ Tempatan Sandakan 2003

3.1.2 Bilangan Penduduk

- Ia mengikut nisbah 1 Unit Tadika & TASKA bagi 1,000 penduduk ( 200 unit rumah ).

3.1.3 Lokasi dan Keadaan Tapak

- i. Terletak dalam jarak berjalan tidak melebihi 400 meter dalam kawasan perumahan. Salinan Laluan Pejalan Kaki ke Tadika & TASKA hendaklan disediakan dari kawasan perumahan berdekatan tanpa keperluan melintasi jalan utama. Jika terdapat jalan yang perlu dilintasi, kemudahan seperti lintasan pejalan kaki, jejantas atau lampu isyarat hendaklah disediakan.
- ii. Tapak kemudahan Tadika & TASKA tidak dibenarkan di kawasan berpaya, berbukit & bercerun curam serta serta kawasan berisiko bencana seperti hakisan tanah runtuh serta banjir, berdekatan laluan talian rentis elektrik dan kawasan industri atau kilang berisiko tinggi.
- iii. Tadika & TASKA tidak dibenarkan di sepanjang atau berhampiran jalan utama untuk keselamatan kanak-kanak dan mengelakkan kesesakan lalu lintas.
- iv. Tadika & TASKA hanya dibenarkan di tapak/ bangunan khas, tempat kerja & kawasan kedaiaman (sekiranya perlu). Walaubagaimanapun, Tadika & TASKA boleh disediakan di

Institusi seperti Balai Raya, kemudahan beribadat seperti Masjid dan Surau serta sekolah dibangunan yang berasingan serta berpagar.

- v. Tadika & TASKA secara berintegrasi di dalam satu bangunan adalah digalakkan bersama komponen kemudahan lain seperti Perpustakaan, Dewan Orang Ramai & Klinik. Tadika & TASKA berkenaan hendaklah ditempatkan di aras bawah bagi tujuan kemudahan sampaian, penyelesaian dan keselamatan.
- vi. Penyediaan Tadika & TASKA di kawasan kediaman hanya dibenarkan di kawasan perumahan yang telah dizonkan dalam Pelan Daerah dan Tempatan Sandakan 2003 sebagai Perumahan densiti sederhana, densiti tinggi dan perumahan di kawasan kampung. Untuk kawasan perumahan berdensiti rendah, ia tidak digalakkan tertakhluk kepada kelulusan dan kebenaran Majlis.

**Penyediaan Tadika & TASKA di kawasan kediaman dibenarkan dengan syarat-syarat seperti berikut :**

- a) Sekiranya Tadika & TASKA diwujudkan di rumah teres, hanya lot tepi (Corner) sahaja dibenarkan lot tengah (intermediate lot) atau lot hujung (end lot) tidak dibenarkan kerana tidak mempunyai kawasan lapang disamping bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas.
- b) Rumah sesebuah (banglo) atau berkembar (semi-detached) yang mempunyai kawasan lapang mencukupi.
- c) Untuk Tadika & TASKA di premis kediaman yang terletak bersebelahan dan diusahakan oleh Pengusaha sama boleh dibenarkan dengan syarat keperluan dan kelulusan minimum telah dipatuhi.
- d) Jarak antara satu Tadika & TASKA dengan Tadika & TASKA lain di sesuatu kawasan kediaman hendaklah tidak kurang daripada 400 m di antara satu sama lain, **tidak termasuk perumahan pangsa**. Ini bertujuan untuk mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas dan membendung persaingan tidak sihat antara pengusaha Tadika & TASKA.
- e) Untuk kawasan Perumahan Pangsa, Tadika & TASKA hanya dibenarkan di aras bawah (ground floor). Rumah Pangsa bertiang hanya dibenarkan dengan syarat mendirikan dinding dan mempunyai luas ruang lantai yang mencukupi.
- f) Semua cadangan tapak Tadika & TASKA hendaklah cekap, selamat dan efisien dari aspek sistem sirkulasi lalu lintas serta mempunyai tempat letak kereta yang

mencukupi untuk memudahkan urusan menghantar dan mengambil kanak-kanak disamping menekankan aspek keselamatan.

### 3.2 Persetujuan Jiran Bagi Penyediaan Tadika & TASKA

- a) Permohonan Tadika & TASKA dikawasan kediaman sedia ada hendaklah disertakan surat persetujuan penghuni/ tuan rumah berjiran yang bersempadan tidak melebihi 20m dari tapak lokasi cadangan, manakala dalam jarak 200m bagi cadangan Tadika & TASKA di jalan mati.
- b) Surat persetujuan jiran hendaklah diperolehi dahulu oleh pengusaha sebelum mengemukakan permohonan lesen berniaga.

### 3.3 Rekabentuk Bangunan


- i. Hendaklah mengambil kira keperluan semua golongan individu sama ada kanak-kanak, dewasa tua dan golongan oku (orang kurang upaya) bagi memberi kemudahan akses di dalam dan di luar bangunan. Kemudahan asas yang beraneka reka bentuk sejagat seperti ramp dan handrail hendaklah disediakan mengikut keperluan kesesuaian.

## 4. Proses Permohonan pembukaan Tadika & TASKA

- 4.1 Proses permohonan di Tapak Khas yang **belum** didirikan bangunan.
  - Perlu mengemukakan pelan pembangunan, pelan bangunan dan permohonan lesen berniaga.
- 4.2 Proses permohonan ditapak khas yang **telah** didirikan bangunan
  - Perlu mengemukakan pelan bangunan & permohonan lesen berniaga
- 4.3 Proses permohonan dikawasan kediaman
  - Perlu mengemukakan pelan lokasi dan permohonan lesen berniaga

***Sebelum mengemukakan permohonan, pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Jabatan-jabatan berkaitan seperti Jabatan Pelajaran atau Jabatan Kebajikan, Jabatan Bomba, Jabatan Kesihatan & mana-mana yang berkaitan.***

**Rajah 1: Contoh Konsep Penyediaan Tadika dan TASKA Secara Berintegrasi**



**Gambar 1 & 2 : Tadika dan TASKA di aras bawah (ground floor)**



Gambar 1 : Rumah pangsa bertiang



Gambar 2 : Unit aras bawah rumah pangsa

**Disediakan oleh :**

Unit Perancangan Bandar & Desa  
Majlis Perbandaran Sandakan  
11 Jun 2012

**Ahli Jawatankuasa:**

*Setiausaha Perbandaran, MPS*  
*Jurutera Perbandaran Kanan, MPS*  
*Bahagian Undang-Undang, MPS*  
*Unit Kawalan Pembangunan, MPS*  
*Unit Perancangan Bandar & Desa, MPS*  
*Unit Perlesenan, MPS*  
*Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Sandakan*  
*Jabatan Kerja Raya, Sandakan*